



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Security***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM GELOMBANG PADI LANGKAWI MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN IMPORT BERAS PULUT

**LANGKAWI, 5 MEI 2024** – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu, hari ini mengadakan lawatan kerja ke Program Gelombang Padi Langkawi yang merupakan Projek Padi Pulut Langkawi SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di bawah seliaan syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Objektif program ini adalah untuk memastikan keterjaminan makanan negara bagi mengurangkan kebergantungan import berkaitan hasil produk pulut. Selain itu ia juga bertujuan untuk mempromosi kelestarian amalan pertanian terbaik dalam penghasilan padi pulut dalam jangka masa panjang sekaligus memperkenalkan produk padi pulut sebagai salah satu tarikan utama (*signature product*) bagi industri agropelancongan di Langkawi.

Kerajaan juga akan membina sebuah kilang padi yang pertama di Langkawi dengan anggaran kos sebanyak RM8.9 juta di Tapak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi iaitu di Kampung Bukit Hantu Mukim Ulu Melaka.

Pada tahun 2023, sebanyak 4,156MT padi telah dibeli di tapak belian tersebut dan dihantar ke kilang beras BERNAS (KBB) di Kedah. Semua padi tersebut diangkut keluar dari Langkawi dengan kos pengangkutan yang tinggi sehingga mencecah RM75 per tan metrik atau bersamaan RM300 ribu setahun. Tambahan daripada itu, tempoh masa penghantaran padi juga mengambil masa sehingga tiga hari dari mula tuaian, boleh menjejaskan kualiti padi yang diterima di KBB.

Apabila siap kelak, kilang padi ini berpotensi menjadi salah satu tarikan agropelancongan di Langkawi dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkonsepkan *glass-house* dimana pelancong dan pengunjung boleh mempelajari dan melihat sendiri bagaimana padi pulut dan varieti padi lain diproses.

Bagi jangka masa panjang pula, kilang padi ini dijangka berkembang sebagai sebuah pusat latihan kepada pesawah dan usahawan yang berminat dalam subsektor agromakanan padi dan beras yang semakin berkembang pesat serta dapat menarik minat golongan muda untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian khususnya penanaman padi.

Cadangan ini juga sekiranya diluluskan akan turut mencerminkan komitmen utuh Kerajaan MADANI melalui KPKM dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penjanaaan pendapatan, potensi teknologi pertanian sekaligus memastikan kesejahteraan hidup dan kebajikan rakyat terus terpelihara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**AHAD, 5 MEI 2024**